

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**STW331 - Undang-Undang Untuk Pekerja Sosial**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Kertas ini mengandungi lampiran.** Sila baca arahan berkaitan lampiran di ms. 3.

Anda dikehendaki menjawab **TIGA (3)** soalan semuanya. Soalan Bahagian A **WAJIB** dijawab. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B. Anda dinasihatkan menjawab setiap soalan dalam 3-6 mukasurat kertas jawapan sahaja. Kertas peperiksaan ini mengandungi lampiran.

**Bahagian A**

Bahagian ini **WAJIB** dijawab.

1. (a) Sistem undang-undang di Malaysia mempunyai struktur yang dikatakan berbentuk plural. Apakah yang dimaksudkan dengan pluralisme sistem perundangan Malaysia ini? Berikan contoh-contoh yang memmanifestasikan akibat adanya bentuk sistem undang-undang yang sebegini.

(50 markah)

- (b) Nyatakan dan bincangkan sumber undang-undang di Malaysia.

(50 markah)

...2/-

## **Bahagian B**

Jawab **DUA (2)** soalan daripada Bahagian ini.

2. Sistem keadilan jenayah adalah satu cara negara atau pihak berotoriti dalam sesebuah negara memmanifestasikan kawalan sosial yang formal. Bincangkan sistem keadilan jenayah di Malaysia.

(100 markah)

3. "... apa lagi yang kita perlukan untuk rakyat kita mencapai kebahagiaan dan kemajuan? Ada satu lagi perkara, rakan warganegaraku – kerajaan yang matang dan berhemah, yang menahan seseorang daripada mencederakan orang lain, yang dalam keadaan selainnya, akan membiarkan [rakyat] bebas mengatur usaha-usaha perkembangan dan membaiki diri mereka sendiri, dan yang tidak mengambil daripada mulut [orang-orang yang berusaha dan bekerja] [hasil] yang telah mereka perolehi [secara wajar]."

Petikan di atas diambil daripada ucapan Thomas Jefferson, salah seorang Presiden Amerika Syarikat yang terkenal. Kaitkan dan bincangkan undang-undang di Malaysia dalam fungsinya mengatur hubungan antara pemerintah dan rakyat.

(100 markah)

4. Berikan pandangan kritikal anda tentang peranan peruntukan undang-undang Malaysia dalam menangani masalah keganasan terhadap wanita.

(100 markah)

5. Klien anda, seorang wanita, telah ditinggal langsung oleh suaminya selama lebih daripada 2 tahun dan ingin membubarkan perkahwinannya. Sebagai seorang pekerja sosial yang telah mendapat sedikit pendedahan tentang undang-undang perkahwinan dan perceraian di Malaysia, cadangkan penyelesaian atau remedi undang-undang yang boleh diperolehinya jika klien anda,

a) seorang bukan Islam

**atau**

b) seorang Islam.

(100 markah)

## Lampiran

### Arahan berkaitan lampiran

Lampiran-lampiran yang disertakan dalam kertas peperiksaan ini berfungsi hanya sebagai alat bantuan anda menjawab soalan-soalan peperiksaan bagi kursus ini. Anda diingatkan bahan-bahan ini **tidak akan membantu anda** jika anda tidak membuat persediaan khusus untuk peperiksaan ini.

Lampiran ini akan dikumpul semula apabila tamat waktu peperiksaan ini. Anda **tidak dibenarkan** membuat sebarang **tulisan atau tanda** di mana-mana mukasurat lampiran ini.

Lampiran ini mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dalam statut-statut berikut:

1. **Perlembagaan Persekutuan**
2. **Kanun Keseksaan**
3. **Kanun Prosedur Jenayah**
4. **Akta Mahkamah Juvana 1947**
5. **Akta Keganasan Rumahtangga 1994**
6. **Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984**
7. **Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976**

- oo o0o oo -

